

16/03/2003

Tengku: Bapa Kemerdekaan yang hanya dikenang dalam sejarah

TANPA Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, kita akan merdeka juga tetapi satu

kepastian: kebebasan dari penjajahan British akan terlewat seperti yang dikehendaki oleh Dato Sir Onn bin Jaafar, bapa kepada Tun Hussein, Perdana

Menteri kita yang ketiga dan Pengasas serta Presiden pertama Umno.

Saya harus bersikap adil. Kedua-dua saya kenal walaupun saya lebih dekat

dengan Tengku daripada Onn. Dua anak Onn - Jaafar (akhirnya jadi Mejar Jeneral) dan Gharib (orang bisnes) senior kepada saya di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan anak sulung putera Diraja Kedah Tengku Ahmad Nerang, juga senior kepada saya di kolej yang sama.

Semakin saya berumur (66 tahun pada 4 Julai), memori saya tentang Tengku

dan pergaulan kami makin segar dan mesra. Satu perkara Tengku berpesan kepada saya selepas dia bersara: "Dollah, sungguhpun anda jadi mangsa kepada penganiayaan "Ghulam", seorang pendendam yang dibenci ramai dan para pegawai, tanda seseorang itu "great dan baik" ialah memaafkan dosa siapa pun pengkhianat itu."

Saya bermadah kepadanya: "Tengku - patik sudah lama memaafkan mereka yang menganiaya patik tetapi masakan patik boleh melupainya." Ujar Tengku

yang berkelulusan dari Cambridge di London - saya juga graduan Cambridge tetapi lebih 50 tahun kemudian daripada Almarhum - "Saya mengerti, saya faham. Semoga Allah SWT memelihara Dollah!"

Tengku seorang pemaaf, sekurang-kurangnya pada lahiriah. Tetapi dia tidak memaafkan beberapa politikus dalam Umno - dia sebut nama tiga orang:

dua sudah mati, satu masih hidup.

Tengku telah meninggalkan kita buat selama-lamanya tatkala berumur 87 tahun dalam keadaan tidak sihat (1903 - 1990). Pengasas negara kita (Malaya lepas itu Malaysia) akan sentiasa dikenang apa pun yang dilakukannya dan apa yang dia gagal melaksanakan - terutama kepada orang Melayu yang meletakkannya di mercu pangkat yang boleh didapati melalui kecemerlangan - meritokrasi - bukan kerana asal usulnya.

Antara Tengku dan Tun Razak

Kita harus ingat - Tengku seperti insan lain juga mempunyai kekuatan dan

kelemahan tersendiri. Kita menjunjungnya kerana jasa dan baktinya - kita juga terasa terluka kerana kegagalannya melakukan sesuatu - kerana itu kita sedang mengalaminya dan ketuanan kita terus terancam.

Saya mulai bekerja sewaktu berumur 19 tahun - empat bulan sebelum merdeka - (di Straits Times, kini New Straits Times). Saya mengalami pentadbiran Tengku (1957 - 1970, sebelum itu selama dua tahun 1955-1957 saya masih di sekolah menengah dan Tengku sudah pun berkuasa). Segala suka

duka orang Melayu, Tengkulah yang banyak bertanggungjawab. Selepas Tengku

"bersara", saya berdasarkan kebolehan saya dan keyakinan dari Tun Razak menolong, bersama ramai lagi mereka yang intim dengan Tun Razak, Wira Melayu dan Bapa Pembangunan dan Perpaduan Melayu (Umno-Pas 1970-1977), melakukan apa yang wajib bagi memperkukuhkan ketuanan Melayu.

Sebelum peristiwa berdarah 13 Mei 1969, kuasa politik Melayu terancam melalui gugatan politik parti-parti bukan Melayu ekoran keanggotaan Singapura dalam Malaysia dengan dasar Malaysian Malaysiannya yang mahu menjadikan negara kita seperti British memaksa kita menerima Malayan Union

yang terkutuk itu. Inilah sebab utama tragedi 13 Mei berlaku.

Ramai orang Melayu mengecam Tengku tetapi masa adalah ubat yang termujarab. Sekarang ramai kalau pun tidak memaafkannya, melihat situasi waktu itu dengan perspektif baru. Apa pun, ekoran tragedi itu Tun Razak menubuhkan kerajaan campuran antara perikatan Umno-MCA dan MIC dengan Gerakan di Pulau Pinang, dengan Pas di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Di Sarawak tertubuh Kerajaan Campuran Perikatan Sarawak - SUPP - di mana saya sebagai Confidante (orang kepercayaan Tun Razak) - telah memainkan peranan yang tidak kecil. Itu cerita lain yang akan ditulis kelak. Apa pun, itulah benih Barisan Nasional yang kini dianggotai 14 parti komponen. Pas keluar BN pada tahun 1977.

Saya telah mengambil bahagian sewajarnya dalam program memperingati kelahiran Tengku 100 tahun agar memorinya tidak terpadam dan hanya hidup dalam buku teks sejarah saja. Kita haruslah meraikan memorinya atas jasanya yang terbesar memerdekakan dan membentuk sebuah Malaya (mulai 1963

Malaysia) yang moden dan maju sementara tidak melupai kesalahan politiknya

seperti memisahkan Singapura daripada pangkuan ibu, 9 Ogos 1965, mengutamakan rumi bukan jawi di sekolah (kerana itu jawi terkubur) walhal

sebelum itu Melayu lazimnya boleh menguasai kedua-duanya dan di sekolah, kedua-duanya wajib dipelajari. Inilah antara sebab yang melemahkan semangat kemelayuan kita sekarang. Banyak lagi (bersambung minggu depan).

Langkawi Pusat Sukan Laut, Pelancongan Yang Indah dan Menarik

Sukan pelayaran Yachts yang terkenal di dunia adalah America Cup yang berprestij itu. Di wilayah Asean pula ialah Regatta Raja Muda (Selangor),

Regatta Raja Thai dan mulai Selasa dan tamat kelmarin ialah Regatta Antarabangsa Langkawi selepas dirasmikan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dianjurkan bagi memperingati 23 tahun dan persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Pada majlis perasmian itu, Datuk Seri Abdullah mengajak sektor korporat,

Kerajaan Pusat, Negeri Kedah dan LADA memberi komitmen sepenuhnya untuk meningkatkan pembangunan sukan pelayaran di negara ini, khususnya Regatta

Antarabangsa Diraja Langkawi (RLIR) yang mampu berkembang menjadi kejohanan berprestij di rantau ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein pula berkata, kementeriannya akan mengemukakan cadangan pelan lima tahun pembangunan sukan pelayaran kepada Kabinet, yang antara lain mengesyorkan supaya pengecualian cukai dan kemudahan pinjaman bagi pembelian kapal layar, dalam masa terdekat.

Cadangan itu selaras dengan usaha kementerian untuk meningkatkan penyertaan golongan muda dalam sukan pelayaran yang didapati berpotensi untuk dibangunkan.

Pelayar Mewah

Yachting (pelayaran kapal mewah atau kapal layar mewah) adalah satu hobi

seperti golf yang mewah tetapi sebenarnya murah juga - seperti juga mempunyai kereta dan motokar, ada dua, tiga, empat juta harganya sebuah dan ada juga harganya seperti Kancil. Begitu juga dengan kapal layar.

Royal Langkawi Yacht Club di Kuah kini, walaupun berumur 7 tahun mempunyai 201 berths (tempat yacht berlabuh) dan akan berkembang dan dimodenkan lagi sebelum RLYC menjadi sebahagian daripada pitstop pelayaran

kapal jenis catamaran seluruh dunia pada Januari 2006, satu temasya yang berlangsung setiap empat tahun sekali (quadrennial).

Antara pelopor yachting di tanah air ialah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Baginda juga pelayar yang berpengalaman dan tahan

dijuji. Baginda adalah penaung kepada Raja Muda Regatta Trophy - hadiah regatta ini berjumlah RM160,000 setiap tahun.

Saya di Langkawi kerana saya gemar air - baik sungai atau laut hatta tasik pun. Tetapi saya bukan pelayar, hanya suka jadi passenger dan penonton saja. Tidakkah terfikir oleh bangsa Melayu yachting sepatutnya kegemaran natural mereka, kan bangsa kita adalah pelayar? Kata musuh Melayu - Lanun terkenal masa silam.

Satu lagi yang orang Melayu harus jadikan hobi ialah menunggang kuda. Rasulullah SAW dan keluarga baginda serta panglima Islam semua pakar menunggang kuda berperang. Jangan hanya nak ikut Nabi apabila mahu berpolidami. Kenapa tidak belajar di negara China?

Langkawi, satu destinasi pelancong yang indah lagi moden tetapi masih dapat mengekalkan keindahan semula jadinya. Langkawi hanya 100 batu nautika selatan Phuket, pusat yachting Thailand.

Jelas, sumpah Mahsuri habis masa setelah Dr Mahathir jadi Perdana Menteri dan Langkawi terus meningkat maju. Tahukah anda Tengku pernah jadi

Pegawai Daerah (DO) Langkawi dan pulau ini sebahagian daripada kawasan parlimennya (Kuala Kedah)? Dan kalau tidak kerana undi Langkawi, Tengku kalah dengan calon Pas, seorang peguam dari Kelantan, Aziz Abdullah pada pilihan raya umum 1969. Dr Mahathir juga pernah jadi Pegawai Perubatan (MO) di Langkawi. Dua Perdana Menteri mencintai Pulau Legenda dan cantik